


BAB I



BAB I

PEMBENTUKAN POLISI AWAM DAN PERKEMBANGAN POLITIK DI KELANTAN : SATU KAJIAN TERHADAP PERSEPSI UMNO DAN PAS

A. Latar Belakang

Berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia, Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang mempunyai "*keunikan yang agak luar biasa*". Keunikan Negeri Kelantan itu sekurang-kurangnya dapat dilihat dari dua perspektif. *Pertamanya*, dari perspektif sosio-budaya, Kelantan merupakan sebuah negeri yang terkenal kuatnya dengan pengaruh Islam sehingga pernah diberi jolokan sebagai negeri "*Serambi Mekah*". Dalam masa yang sama, negeri itu juga merupakan pengembang dan penyimpan warisan kebudayaan Melayu tradisional seperti wayang kulit, makyong, menora, dikir barat dan seumpamanya yang tidak terdapat di negeri-negeri lain di Malaysia.

Keduanya, dari perspektif budaya politik, rakyat Kelantan terkenal dengan sikap berani menanggung risiko. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas sewaktu Pilihanraya Umum (PRU) ke sembilan (1990) apabila mereka menggulingkan pemerintahan Barisan Nasional (BN) dan memihak kepada Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Dalam sejarah PRU di Malaysia, belum ada setakat ini

rakyat negeri-negeri lain yang sanggup menolak pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dipimpin oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) secara total sepertimana yang dilakukan oleh masyarakat Kelantan.

Jika dilihat dari perspektif sosio-ekonomi pula, pada tahun 1998 penduduk Negeri Kelantan berjumlah 1,484,100 orang dan majoriti (95.01 peratus) daripadanya terdiri daripada masyarakat Melayu. Negeri Kelantan pada keseluruhannya masih berada dalam kategori termiskin dan termundur jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Sehubungan ini, pada tahun 1997 misalnya, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita negeri itu mengikut harga tahun 1978 ialah sebanyak RM2,081.00, iaitu yang terendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di negara ini.

Dalam sebuah masyarakat yang miskin dan jauh ketinggalan kebelakang sepertimana yang dialami oleh masyarakat Kelantan, sistem nilai tradisi masyarakat tidak banyak berubah. Inilah yang dialami oleh masyarakat Kelantan, dimana dari aspek politiknya, pengaruh golongan aristokrat dan guru-guru agama dikatakan masih memainkan peranan penting dalam mencorak senario politik di negeri itu.

Ada di antara para pengkaji politik menganggap bahawa dalam masyarakat tradisional seperti itu, parti-parti politik akan menggunakan agama untuk mendapatkan pengaruh.

Sebagai golongan yang kuat berpegang kepada nilai-nilai agama Islam, politik masyarakat Melayu Kelantan adalah berlandaskan kedaulatan Melayu dan kesucian agama Islam. Sentimen keagamaan yang kuat inilah yang disifatkan oleh beberapa orang pengkaji politik, sebagai perbezaan utama antara budaya politik masyarakat Melayu Kelantan dengan masyarakat Melayu di luar Kelantan.

Tinjauan terhadap kajian-kajian yang pernah dilakukan di Kelantan oleh beberapa orang sarjana seperti disentuh secara sepintas lalu di atas tadi menunjukkan bahawa salah satu ciri utama dalam budaya politik Melayu Kelantan ialah kedaulatan Melayu dan Islam. Persoalan yang timbul ialah, jika benarlah rakyat Kelantan mementingkan kedaulatan Melayu, kesucian agama Islam dan kuat berpegang kepada agama Islam, kenapa mereka menolak pemerintahan BN yang diterajui oleh UMNO di negeri itu? Bukankah Kerajaan yang diterajui oleh UMNO memang telah lama mencanangkan dasar-dasar yang bertujuan untuk meningkatkan martabat masyarakat

Melayu, misalnya seperti menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan seumpamanya. Bahkan, parti UMNO itu sendiri bermotokan "*Hidup Melayu*". Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa dasar awam dan langkah-langkah yang bertujuan untuk meningkatkan syiar Islam di negara ini. Antaranya ialah seperti dasar penerapan nilai-nilai Islam, menubuhkan Universiti Islam, Bank Islam, Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) dan lain-lain lagi. Bukankah semua langkah itu bertujuan meningkatkan syiar Islam dan bersesuaian dengan budaya politik masyarakat Kelantan?.

Perihal mengenai perubahan politik yang berlaku di Negeri Kelantan selepas PRU 1990 telah banyak diperkatakan oleh ahli akademik. Muhammad Agus antara lain berpendapat bahawa kemenangan APU disebabkan oleh keupayaan mereka menonjolkan perpaduan, kegagalan UMNO mengatasi krisis antara Menteri Besar dan Sultan, ketokohan pemimpin APU (Nik Aziz dan Tengku Razaleigh Hamzah), keberkesanan jentera pilihanraya APU, pengaruh manifesto APU dan peranan media yang berat sebelah. Sementara itu, Mohd Ali Kamarudin pula berpendapat kekalahan BN di tangan APU dalam pilihanraya itu adalah antara lain disebabkan oleh perubahan dalam orientasi UMNO Kelantan daripada mempunyai kuasa autonomi sewaktu dipimpin oleh Tengku Razaleigh

kepada apa yang boleh disifatkan sebagai orientasi mengikut semua kemahuan pimpinan Pusat yang berada di Kuala Lumpur.

Tinjauan ke atas buku-buku dan tulisan ilmiah menunjukkan bahawa perubahan politik yang berlaku di Kelantan selepas pilihanraya 1990 banyak dianalisis daripada perspektif politik semata-mata dan amat sukar sekali untuk diperolehi analisis yang bernas dan kemas dari perspektif budaya politik dan pembentukan polisi awam. Penolakan rakyat Kelantan terhadap pemerintahan Kerajaan BN sebenarnya satu manifestasi daripada penolakan rakyat negeri itu terhadap polisi awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Apabila mereka menolak polisi awam yang boleh dianggap bersesuaian dengan nilai-nilai atau budaya yang mereka dokong sebelum ini seperti kedaulatan Melayu dan Islam, timbul persoalan adakah nilai-nilai dan budaya politik mereka telah berubah daripada sebelumnya. Inilah antara persoalan yang akan dirungkai dengan keutamaan diberi terhadap orientasi responden menjurus isu-isu semasa.

B. Skop Kajian

Kajian ini adalah berkenaan dengan *"Pembentukan Polisi Awam Dan Perkembangan Politik Di Kelantan : Satu Kajian Terhadap Persepsi UMNO*

Dan PAS. Di antara persoalan yang cuba dianalisis melalui kajian ini ialah seperti berikut:-

1. Apakah ciri-ciri utama polisi awam Kerajaan Negeri Kelantan?
2. Apakah pendorong utama budaya politik masyarakat Kelantan pada masakini?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan budaya politik itu?
4. Apakah polisi awam yang dilaksana oleh pihak Kerajaan Negeri selama ini bertentangan dengan nilai-nilai budaya politik masyarakat Kelantan?
5. Orientasi responden dan kekuatan hubungan berkait pelaksanaan manifesto PAS 1990 dan 1995 serta isu-isu semasa.

C. Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini ialah seperti berikut:-

1. Menentukan kecenderungan responden terhadap Kerajaan Kelantan.

2. Menilai orientasi responden terhadap pembentukan polisi Kerajaan Negeri dan melihat keutamaan penyumbang ideanya.
3. Meninjau kekuatan sikap responden terhadap faktor-faktor budaya politik Kelantan.
4. Membuat analisis tentang kekuatan hubungan di antara angkubah bebas dengan angkubah sandar yang dipilih.
5. Mengemuka cadangan ke pihak berkaitan berasas penemuan yang ditemui dengan harapan dapat memperbaiki kelemahan masing-masing demi memenuhi selera pengundi.

D. Kepentingan Kajian

Di tahap ini, tidak banyak kajian yang dilaksana serentak mengenai polisi awam dan budaya politik masyarakat Kelantan. Kajian-kajian terdahulu didapati lebih terasing sifatnya dengan masing-masing samada berfokus terhadap polisi atau budaya politik. Justeru, adalah di harapkan, penyelidikan ini nanti dapat memberi satu pemahaman jelas kepada semua pihak berkepentingan; terutama yang mengikuti arus politik Kelantan secara dekat.

Di sudut beriringan, kajian yang melibatkan aktor-aktor utama politik Kelantan dari dua parti dominan UMNO dan PAS jarang dilakukan. Tambahan pula, penglibatan pihak Istana dan kaitannya dengan bekas PMS 46 cukup sensitif sifatnya. Tumpuan terhadap Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dan kaitannya dengan kemelut Pegawai Tadbir Negeri (PTN) di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN) meletakkan kajian ini semakin bernilai. Adanya kajian seumpama ini, di harap dapat mendedah ke pengetahuan umum sebagai sumber rujukan ilmiah.

Kajian ini juga merupakan usaha penting dan berterusan untuk mengenengahkan maklumat-maklumat, pengetahuan dan kefahaman kepada UMNO dan PAS khasnya. Adanya kajian ini memudahkan pihak-pihak terlibat memahami ketiga-tiga faktor dominan menentukan arahnya politik Kelantan. Ketiga-tiga faktor itu ialah UMNO, PAS dan Istana.

Penerimaan polisi awam oleh masyarakat merupakan ukuran penting dalam menentukan legitimesi sesebuah Kerajaan. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan perlu mengetahui terlebih dahulu apakah budaya dan nilai-nilai yang ada pada masyarakat tersebut sebelum memaksa mereka menerima dasar-dasar yang telah ditetapkan. Dasar-dasar yang bertentangan antara nilai-nilai dan budaya

masyarakat setempat sudah tentu tidak akan mendapat sambutan dan boleh memberi implikasi politik kepada pihak yang melaksanakannya. Justeru itu, kajian ini diharap dapat memberi garis panduan kepada pihak Kerajaan dalam merangka dasar-dasar awam di masa-masa akan datang.

Kajian mengenai budaya politik, khususnya budaya politik masyarakat Melayu luar bandar dan kaitannya dengan polisi awam amat jarang dilakukan oleh para sarjana tempatan. Oleh itu, kajian ini diharap dapat menambahkan lagi sumber rujukan dan maklumat mengenai budaya politik masyarakat Melayu luar bandar di negara ini.

E. Hipotesis Kajian

Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti berikut:-

1. Ada perbezaan di antara sikap jantina terhadap kecenderungan berparti di Kelantan.
2. Kumpulan wanita lebih cenderung memilih PAS berbanding lelaki.
3. Semakin tinggi kelulusan seseorang, semakin condong mereka kepada UMNO.

4. Ada perbezaan pandangan terhadap parti-parti politik dari segi tempoh perkhidmatan.
5. Responden yang bekerja di sektor Kerajaan lebih meminati politik berbanding lain-lain sektor.
6. Kumpulan lelaki lebih tinggi komitmen mendaftar mengundi relatif perempuan.
7. Wujud perbezaan di kalangan jantina terhadap komitmen menjadi pengundi sah berdaftar.
8. Semakin lama seseorang itu meminati politik, semakin cenderung menyatakan pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan berasas unsur-unsur permuafakatan.
9. Wujud perbezaan pendapat terhadap pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan hasil muafakat dari segi pendaftar pengundi.

10. Ada perbezaan pendapat terhadap pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan hasil muafakat dari segi kesedaran mengundi.
11. Ada perbezaan pandangan terhadap hubungan sukakan calon dengan pembentukan polisi berasas faktor persekitaran.
12. Terdapat perbezaan pandangan terhadap hubungan pengaruh kempen dengan pembentukan polisi berasas faktor persekitaran.
13. Wujud perbezaan persepsi terhadap hubungan pengaruh media dengan pembentukan polisi berteras faktor persekitaran.
14. Wujud perbezaan mengenai tanggapan terhadap hubungan manifesto parti dengan pembentukan polisi berpusat kepada idea golongan elit.
15. Terdapat perbezaan pendapat di antara kecenderungan mengundi yang ditaja dengan hasrat menuntut keadilan dalam manifesto PAS.

16. Wujud perbezaan pendapat di antara kecenderungan mengundi yang dikerah dengan hasrat mengamal kepimpinan Islam dalam manifesto PAS.
17. Ada perbezaan pendapat di antara kecenderungan mengundi yang dipengaruhi janji projek dengan mempertingkatkan peranan masjid dalam manifesto PAS.
18. Terdapat perbezaan pandangan di antara kecenderungan mengundi yang ditaja dengan hasrat melaksana Hukum Hudud dalam manifesto PAS.

F. Metodologi Kajian

Data-data bagi melengkapkan kajian ini dibahagikan kepada dua kategori. Data-data tersebut ialah "*data primier*" dan "*data sekunder*". Data-data sekunder diperolehi dengan cara pembacaan buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal akademik, laporan-laporan penyelidikan, penerbitan Kerajaan, kertas-kertas persidangan atau seminar, keratan akhbar dan seumpamanya. Data sekunder ini amat penting terutamanya dalam memberikan rangka kerja tentang teori-teori yang berkaitan dengan bidang kajian dan juga pembentukan model kajian.

Data primier pula diperolehi dengan tiga cara yang utama, iaitu melalui kaedah ikut serta (direct observation), temuramah intensif dan soalan kaji selidik. Kaedah ikut serta diguna untuk membolehkan pengkaji merasai dan melihat sendiri cara hidup dan kegiatan politik masyarakat yang dikaji. Kaedah temuramah intensif dilaksana untuk mendapat pandangan dan data-data daripada tokoh-tokoh politik, ahli-ahli akademik serta pemimpin-pemimpin masyarakat. Sementara kaedah soalan kaji selidik pula digunakan untuk mendapat data-data mengenai latarbelakang atau profil "sample" yang dikaji, faktor-faktor yang mempengaruhi budaya politik mereka serta orientasi terhadap polisi awam dan budaya politik mereka secara keseluruhan.

Dari segi persampelan, sejumlah 350 borang telah diagihkan. Ke arah mendapatkan persepsi UMNO dan PAS, sebanyak 100 borang masing-masing telah disalurkan kepada 10 daripada 14 Bahagian kedua-dua parti terlibat. Pengagihan borang kaji selidik dilaksana menerusi rangkaian kerja dengan Dato' Hj. Ahmad Shahibuddin Bin Hj. Mohd. Nor, Setiausaha Perhubungan UMNO Kelantan; di pihak UMNO serta Hj. Husam Bin Musa, Setpol MB dan Mohamad Nasir Bin Daud, Setiausaha Eksekutif di Pusat Kajian Strategik Kelantan; bagi pihak PAS.

Sementara bakinya sejumlah 150 borang diagih sama rata kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK), Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dan pihak Istana. Hj. Nordin Bin Yaakob, YDP MPKB dan Nik Mustapha Bin Nik Hassan, Pegawai Protokol Istana turut memberi kerjasama. Tan Swim Hin, Setiausaha Organisasi Pergerakan Pemuda MCA Kelantan pula membantu menyelaras borang kaji selidik daripada ahli-ahli Dewan Perhimpunan Cina Kelantan.

G. Batasan Kajian


Kajian yang dijalankan meliputi tahun 1990 hingga 6 Januari 1997. Perkembangan politik Kelantan di antara period tersebut turut diberi keutamaan.

Di samping itu, prioriti diberi ke atas UMNO dan PAS selari dengan tajuk yang dicadang. Bagi memudahkan kajian, sebanyak 10 daripada 14 Bahagian UMNO dan PAS dipilih; melibatkan Ahli Jawatankuasa (AJK) tertinggi kedua-dua parti. Beberapa Jabatan termasuk MPKB turut disasar.

H. Model Kajian

Model 1

MODEL PEMBENTUKAN POLISI AWAM DAN PERKEMBANGAN POLITIK DI KELANTAN : SATU KAJIAN TERHADAP PERSEPSI UMNO DAN PAS



I. Susunan Bab

Kajian ini mencakupi enam bab. Bab pertama ialah satu pengenalan yang menggalur latarbelakang kajian, skop, tujuan, kepentingan, model, hipotesis, kaedah dan batasan kajian.

Perbincangan di dalam bab kedua merangkumi aspek-aspek teori dan konsep yang pernah ditulis tentang apa yang di maksudkan sebagai pembentukan polisi awam. Perkaitannya dengan budaya politik masyarakat Melayu Kelantan diberi perhatian.

Dalam bab ketiga, perhatian berfokus kepada sejarah dan latarbelakang politik, khususnya hubungan UMNO dengan PAS sejak PRU 1990; berakhir Pilihanraya Kecil (PRK) Pulai Chondong pada 6 Januari 1997. Dominasi pihak Istana yang di kata turut mempengaruhi arah tuju politik Kelantan ditekankan.

Bab empat membincang data-data diskriptif mengenai responden dan orientasi mereka atas isu-isu yang ditonjol. Pengukuran kekuatan hubungan angkuh-angkuh yang dipilih diperkukuh menerusi analisis data-data secara bersilang di bab kelima. Selaku intipati kajian, perbincangan terperinci dan kupasan menyeluruh dibuat ke atas beberapa aspek seperti kecenderungan berparti, mengundi, pembentukan polisi dan budaya politik, manifesto PAS 1990 dan 1995 serta isu-isu semasa.

Bab terakhir mengulas kembali fakta dan penemuan yang telah ditemui serta mengemukakan rumusannya. Seterusnya, penulis juga memberi pandangan serta saranan yang boleh dijadikan panduan untuk kesemua pihak memahami perkembangan mutakhir politik Kelantan.